

Bandar yang indah dan nyaman

PM puji bandar Kuching bersih

UM 21 MAY 1991 (P)

KUCHING 21 Mei - Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini memuji pembangunan pesat secara teratur bandaraya ini sambil menyifatkannya sebagai salah sebuah yang terbersih di Malaysia.

"Saya kagum dengan pembangunan pesat dan kebersihan bandaraya Kuching... ia adalah sebuah bandar yang indah dan nyaman," katanya ketika menyampaikan ucapan ringkas selepas mendengar taklimat mengenai pembangunan negeri di Wisma Bapa Malaysia petang ini.

Menurut Perdana Menteri, beliau dapat melihat perkem-

angunan pesat bandaraya ini dan tertarik dengan keindahan dan kebersihannya.

Dalam taklimat sejam itu, Dato' Sri Dr. Mahathir telah diberi penerangan mengenai wawasan pembangunan Sarawak menjelang tahun 2000 dan projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Dato' Sri Dr. Mahathir, yang turut menyentuh mengenai wawasan negara tahun 2020 dalam ucapannya menegaskan bahawa beliau mahu melihat semua rakyat Malaysia memahami dengan jelas matlamat tahun tersebut.

Beliau berkata, matlamat

untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya pada tahun tersebut tidaklah mustahil asalkan rakyat menumpukan sepenuh tenaga mereka ke arah itu.

Untuk mencapai tujuan tersebut, Dato' Sri Dr. Mahathir mahu hubungan Kerajaan Persekutuan dengan Negeri Sarawak dieratkan lagi.

"Saya ingin tahu dengan lebih banyak lagi mengenai pembangunan Kuching dan perkembangannya... sebab itulah kita mengadakan mesyuarat kabinet di sini supaya hubungan kita dengan kerajaan negeri dapat dipereratkan lagi."